

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM DI
NEGERI SELANGOR**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jumlah sampah domestik (ton) dikutip oleh KDEB pada tahun 2019 (sehingga bulan Dis) mengikut setiap Pihak Berkuasa Tempatan?

- b) Apakah jumlah sampah pukal (ton) dikutip oleh KDEB pada tahun 2019 (sehingga bulan Dis) mengikut setiap Pihak Berkuasa Tempatan?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2019, KDEB Waste Management (KDEBWM) telah menguruskan sampah domestik di sebelas (11) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kecuali di Majlis Bandaraya Shah Alam. Secara keseluruhannya, KDEBWM telah melupuskan 1,339,291.19 tan sampah domestik pada tahun 2019, yang bersamaan dengan 4292.60 tan sampah domestik setiap hari di tapak pelupusan sampah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) merupakan PBT yang mencatatkan penjanaaan jumlah sampah domestik tertinggi iaitu 240,426.20 tan sepanjang tahun 2019 atau secara puratanya sebanyak 770.60 tan sehari manakala Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) merupakan PBT yang mencatatkan penjanaaan sampah terendah iaitu sebanyak 22,773.88 tan atau secara puratanya sebanyak 72.99 sehari untuk tempoh yang sama. Data jumlah sampah domestik bagi semua PBT ini (kecuali Majlis Perbandaran Selayang) diperolehi dari sistem E-World yang dikendalikan oleh Worldwide Landfills Sdn. Bhd. Bagi Majlis Perbandaran Selayang (MPS), data jumlah sampah adalah dari KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd. yang mengendalikan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar. Pecahan terperinci jumlah sampah domestik mengikut PBT bagi bulan Januari 2019 hingga Disember 2019 adalah seperti berikut:

Jumlah Sampah Domestik Mengikut PBT dari bulan Januari 2019 hingga Disember 2019

Bulan	KLANG	AMPANG	SELAYANG	KUALA LANGAT	KAJANG	PETALING JAYA	SEPANG	HULU SELANGOR	SABAK BERNAM	SUBANG JAYA	KUALA SELANGOR
	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik
JAN	17,314.33	11072.59	15,069.83	3,212.00	20,398.36	13,762.29	6,777.39	263.52	1,797.39	16,229.88	3,446.94
FEB	15,747.42	10,780.83	12,725.80	3,165.00	18,224.15	12,357.76	6,113.30	248.72	1,618.78	15,028.45	3,177.45
MAC	15,995.39	11,576.33	13,141.42	3,554.00	19,197.81	13,033.15	6,725.75	240.15	1,629.24	16,846.16	2,960.00
APR	15,985.73	11,992.74	13393.72	3,883.00	19,380.70	13,053.81	7,040.26	254.86	3,260.06	16,364.38	1,589.88
MEI	16,522.50	12,699.42	13,900.94	4,082.00	20,955.59	13,441.37	7,636.71	266.09	2,021.49	16,141.88	3,481.83
JUN	15,560.23	11,232.44	13,409.48	3,690.00	19,388.62	12,490.30	7,129.70	306.96	1,922.74	16,317.90	3,272.71
JUL	18,464.64	12,868.01	15,942.77	4,257.00	24,714.18	14,061.18	9,653.24	4,764.52	1,888.66	18,464.64	3,665.42
OGOS	16,744.86	12,594.78	14,100.10	3,875.00	20,119.60	13,537.24	8158.04	4,475.67	1922.69	18,133.51	3,431.71
SEPT	15,663.99	18,042.19	13,806.46	3,693.00	18,592.18	12,957.62	7,957.54	4,168.31	1,704.82	17,204.64	3,158.92
OKT	17,069.16	11,007.67	13,376.49	3,984.00	19,994.72	13,815.49	7,820.52	4,633.11	1,327.87	14,044.02	3,344.74
NOV	16,011.38	11,556.34	15,647.17	3,741.00	20,022.40	13,070.04	7,357.47	4,329.22	1,720.23	17,911.31	3,177.21
DIS	16,576.23	12,208	15,605.07	3,971	19437.89	13579.92	7,737.56	4402.76	1959.91	17,351.56	3,210.98
JUMLAH KESELURUHAN	197,655.86	147,631.34	170,119.25	45,107.00	240,426.20	159,160.17	90,107.48	28,353.89	22,773.88	200,038.33	37,917.79
Purata Sehari	633.51	473.18	545.25	144.57	770.60	510.13	288.81	90.88	72.99	641.15	121.53

Bagi tempoh dari bulan Januari 2019 hingga Disember 2019, jumlah sampah pukal yang telah dilupuskan ke tapak pelupusan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak 293,725.05 tan yang bersamaan dengan 941.43 tan sehari. Data bagi berat sampah pukal ini adalah termasuk sisa pembersihan awam dan sampah kebun kerana kutipan sampah pukal adalah termasuk di dalam skop pembersihan awam. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mencatatkan jumlah sampah pukal tertinggi iaitu sebanyak 82,922.56 tan atau secara puratanya sebanyak 265.78 tan sehari manakala Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mencatatkan jumlah sampah pukal terendah iaitu hanya sebanyak 1,937.37 tan atau secara puratanya sebanyak 6.21 tan sehari untuk tempoh dari bulan Januari hingga Disember 2019. Data jumlah sampah pukal bagi semua PBT ini diperolehi dari sistem E-World yang dikendalikan oleh Worldwide Landfills Sdn. Bhd. Bagi Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), sebahagian data jumlah sampah adalah dari MDHS yang mengendalikan sendiri Tapak Pelupusan di Sungai Sabai manakala data jumlah sampah pukal dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sebahagiannya diperolehi dari Tapak Pelupusan Sisa Lengai Misi Restu di Sungai Lalang, Semenyih. Pecahan terperinci jumlah sampah pukal mengikut PBT bagi bulan Januari 2019 hingga Disember 2019 adalah seperti berikut:

Jumlah Sampah Pukul Mengikut PBT dari bulan Januari 2019 hingga Disember 2019

BULAN	KLANG	AMPANG	SELAYANG	KUALA LANGAT	KAJANG	PETALING JAYA	SEPANG	HULU SELANGOR	SABAK BERNAM	SUBANG JAYA	KUALA SELANGOR
	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam	Sisa Pembersihan Awam
JAN	3,446.94	2818.19	3902.49	447.00	7,950.65	2,364.80	682.1	1,073.43	92.31	4,255.33	MASIH DI BAWAH PBT
FEB	3,075.33	2,587.75	3625.6	347.00	7,032.15	2,212.31	610.27	848.88	180.58	2,132.00	
MAC	3,264.12	1,238.01	4225.32	433.00	7,319.26	2,246.69	609.8	836.13	148.9	2,484.63	465.98
APR	3,294.25	3,148.52	4095.47	498.00	7,352.40	2,323.19	741.08	1,050.79	164.97	3,862.35	436.52
MEI	3,220.29	2,935.19	3902.35	419.00	6,548.00	2,096.70	597.74	720.94	131.66	4,245.55	354.65
JUN	2,978.19	2,592.11	3460.92	372.00	5,878.01	2,368.41	563.71	577.92	123.4	2,262.43	391.08
JUL	3,486.87	2,837.39	3519.86	528.00	6,918.61	2,595.39	782.38	690.85	150.76	2,969.59	435.92
OGOS	3,374.27	3,369.19	3488.4	433.00	7,343.51	2,686.18	739.18	696.84	284.87	2,831.43	400.96
SEPT	2,993.03	2,962.32	3856.26	515.00	7,169.66	2,533.43	696.06	622.53	144.82	2,424.23	403.12
OKT	3,644.22	1,992.39	4002.63	607.00	6,988.76	2,986.15	767.86	735.65	153.14	2798.22	458.48
NOV	3604.48	2534.09	4344.87	621.00	6558.31	2941.93	734.06	797.98	196.31	2708.46	456.26
DIS	3,265.86	2,415	4105.05	679.00	5,863.24	2848.74	768.12	763.55	165.65	2,814.86	417.76
JUMLAH KESELURUHAN	39,647.85	31,430.15	46,529.22	5,899.00	82,922.56	28,107.22	8,292.36	9,415.49	1,937.37	35,789.08	3,754.75
Purata Sehari	127.08	100.74	149.13	18.91	265.78	90.09	26.58	30.18	6.21	114.71	12.03

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PEMBINAAN BONGGOL JALAN UNTUK JALAN-JALAN JKR

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan yang perlu dipatuhi untuk membina bonggol-bonggol di jalan negeri dan jalan persekutuan yang diselenggara oleh JKR?
- b) Apakah spesifikasi pembinaan bonggol ini? Lampirkan lukisan spesifikasinya
- c) Apakah anggaran jabatan untuk membina setiap satu bonggol jalan ini mengikut spesifikasi ini?

JAWAPAN:

- a) Garispanduan bagi pembinaan bonggol adalah terkandung di dalam Manual Fasiliti Keselamatan Jalan yang dikeluarkan oleh Cawangan Kejuruteraan Jalan & Geoteknik JKR Malaysia. Pembinaan bonggol perlu mematuhi tujuan-tujuan seperti berikut :
 - i. Meningkatkan keselamatan bagi sesuatu jalan terutama untuk pejalan kaki dan penunggang basikal yang melintas jalan
 - ii. Meningkatkan kualiti sekitaran di taman-taman perumahan dengan memberi keselesaan dan keselamatan kepada penduduk sekitar
 - iii. Mengawal dan memudahkan pergerakan trafik yang melalui sesuatu kawasan seperti memberi ruang dalam aliran trafik untuk kenderaan yang hendak keluar/masuk dari persimpangan

Walau bagaimanapun, bagi Jalan Persekutuan pembinaan bonggol di jalan persekutuan adalah di bawah kuasa dan tertakluk kepada kelulusan Menteri Kerja Raya.

- b) Spesifikasi pembinaan bonggol boleh diperolehi melalui Manual Fasiliti Keselamatan Jalan yang dikeluarkan oleh Cawangan Kejuruteraan Jalan & Geoteknik JKR Malaysia. **Rujuk Lampiran 1.**
- c) Anggaran bagi pembinaan bonggol ini adalah berbeza bagi setiap jenis (bonggol halaju, bum halaju, satah halaju) kerana rekabentuk bonggol yang berbeza mengikut kategori dan jenis. Selain dari itu, anggaran kos juga bergantung kepada lebar jalan (melibatkan kuantiti baharan turapan), kuantiti garisan penanda jalan serta perabot-perabot jalan lain yang perlu dipasang

bersamanya untuk tujuan keselamatan. Anggaran kasar jabatan bagi membina set bonggol (bonggol termasuk papan tanda dan papan amaran, road marking) adalah RM50 Ribu bagi kelebaran purata jalan 7 meter.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : DASAR KERAJAAN NEGERI

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah guru-guru KAFA dan ahli majlis dilindungi PERKESO?

JAWAPAN:

a) Bermula Januari 2020, 2,800 guru KAFA yang dibiayai oleh JAKIM telah mencarum kepada PERKESO dengan kos sebanyak RM559,440.00. Manakala bagi 4,200 orang guru KAFA yang dibiayai oleh Negeri sedang dalam penelitian dan perhatian kerajaan untuk menyediakan peruntukan yang sama yang dianggarkan akan melibatkan dasar baru sebanyak RM1,101,240.00 setahun.

Manakala, bagi ahli majlis, pada masa kini, tiada caruman PERKESO dibuat ke atas Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. Walaubagaimanapun, Ahli Majlis ini diberikan kemudahan perubatan dan juga perlindungan insurans.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SELANGOR JOB FAIR

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sasaran Kerajaan untuk Program Selangor Job Fair 2020?
- b) Adakah program ini akan diadakan mengikut Daerah atau DUN didalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sasaran Kerajaan Negeri untuk Program Job Fair tahun 2019 adalah untuk menurunkan kadar pengangguran kepada 2.5%.

Untuk makluman, kadar pengangguran di Negeri Selangor telah menurun seperti berikut:

Tahun	Kadar pengangguran (15 hingga 64 tahun) %
2017	3.0%
2018	3.2%
Suku tahun keempat 2019	2.4%

Sumber: Survei Tenaga Buruh, 2017 hingga 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kejayaan ini adalah hasil kesungguhan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program - program yang menyediakan peluang pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat Selangor.

Oleh demikian, sasaran Kerajaan Negeri untuk Program *Selangor Job Fair* pada tahun 2020 adalah untuk menurunkan sebanyak mungkin peratusan kadar pengangguran negeri dengan lebih memberi fokus kepada perkara berikut :

- i. menghimpunkan syarikat - syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan lebih-lebih lagi syarikat yang menawarkan pekerjaan berasaskan 'Gig ekonomi'. Melalui program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang diperkenalkan pada sidang Belanjawan #Selangor 2020 oleh YAB Dato' Menteri Besar, Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat 'e-hailing' seperti GRAB, Food Panda atau DEGO yang bakal memberi peluang pekerjaan di dalam 'gig ekonomi' kepada hampir 3,000 anak muda di seluruh Selangor terutama golongan yang berkelayakan. Di samping

- itu program ini dapat membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja khususnya di tahap kritikal dengan mendahulukan penglibatan di kalangan warga tempatan;
- ii. melaksana dan merancang beberapa siri program *Selangor Job Fair* dalam bentuk **skala besar** iaitu ***Selangor Mega Job Fair*** dan pelaksanaan **Jelajah Karnival Kerjaya Selangor** di Peringkat daerah atau DUN yang dikenal pasti; dan
 - iii. pihak kerajaan akan mengadakan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Jabatan Tenaga Kerja dan PERKESO untuk melaksanakan program - program bagi memastikan kadar pengangguran dapat kurangkan lagi dan kebolehpasaran belia atau graduan dapat dipertingkatkan.

Selain itu, kerajaan Negeri sentiasa berusaha dan merancang untuk menyediakan program yang relevan bagi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dalam menempuh cabaran menghadapi revolusi industri 4.0.

- b) Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri di bawah portfolio pembangunan Modal Insan telah merancang dan mengenal pasti beberapa siri **Jelajah Karnival Kerjaya Selangor** atau program ***Selangor Job Fair*** yang akan dilaksanakan mengikut daerah atau DUN di dalam Negeri Selangor. Pelaksanaan program juga adalah mengambil kira permintaan dan jenis pekerjaan masyarakat setempat.

Untuk makluman, cadangan pada peringkat awal pelaksanaan program *Selangor Job Fair* tahun 2020 adalah di Daerah Kuala Selangor yang melibatkan kerjasama pihak Pejabat DUN Bukit Melawati, Pejabat Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor dan PERKESO.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PERUMAHAN KOS RENDAH

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk membina rumah kos rendah PPR di DUN Ijok?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri masih tiada perancangan di dalam menyediakan / membangunkan projek PPR di DUN Ijok di atas tanah-tanah kerajaan. Manakala bagi tanah hakmilik swasta / individu pula, sehingga kini masih belum terdapat pemilik tanah / pemaju swasta yang mengemukakan sebarang permohonan bagi pembangunan perumahan.

Namun begitu, terdapat sebanyak 2 projek Rumah Selangorku Jenis A yang dibangunkan oleh pihak swasta yang mengandungi 114 unit berharga RM42,000.00 dengan keluasan 700 kaki persegi yang dalam perancangan di DUN Ijok seperti berikut :

BIL.	PEMAJU	LOKASI PROJEK	BILANGAN UNIT
1.	Elmina Equestrian Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 38726 Dan 38727, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	69
2.	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	45
JUMLAH			114

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI DI SELANGOR

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor sering mengalami pencemaran sungai. Senaraikan jumlah bilangan pencemaran yang melibatkan sungai dari tahun 2015 hingga 2019.
- b) Nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap pesalah.

JAWAPAN:

- a) Pencemaran sungai merupakan isu yang kerap kali berulang dan ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air. Berikut disertakan jumlah pencemaran yang melibatkan sungai dan menyebabkan henti tugas Loji Pembersihan Air (LPA).

Tahun	Bilangan Kes Kecemasan
2015	17
2016	19
2017	38
2018	69
2019	122

- b) Berikut adalah senarai dan tindakan yang telah diambil bagi kes pencemaran sungai dari tahun 2013 hingga 2019 :

Bil	Nama Syarikat	Tahun diambil Tindakan	Seksyen Kesalahan	Pertuduhan	Status Kes
1.	Muhibbah Mok Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS.	Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 5,000.00.
2.	Muhibbah Mok Workshop Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah	Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM

				LUAS.	5,000.00.
3.	Ng Kim Bok Workshop Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS.	Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 5,000.00.
4.	i. H'ng Soo Chiew ii. Ng Kim Bok	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Sebagai Pengarah kepada NG KIM BOK REALTY SDN BHD melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS.	OKS 1 : RM 2500.00 atau penjara 2 bulan penjara (jika gagal bayar) OKS 2 : RM 2500.00 atau penjara 2 bulan penjara (jika gagal bayar)
5.	Masgenuine I- Berhad	2018	s.50(3) Enakmen LUAS 1999	Gagal mematuhi perintah Lembaga di bawah perenggan 4(b) Surat Arahan bertarikh 19 Mac 2013 yang dikeluarkan di bawah seksyen 50(2)(e) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.	Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 45,000.00
6.	Devaraj a/l Shanmugam Maduraiveran Pillai a/l Nageswara	2019	s.79(1)(d) Enakmen LUAS 1999	Menyebabkan pelepasan bahan buangan yang mengandungi minyak ke dalam sumber air tanpa lesen Pengarah LUAS.	OKS 1 : Masih dalam prosiding perbicaraan. OKS 2 telah mengaku salah dan dihukum denda RM 25,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR
(N32 SERI SETIA)**

TAJUK : PERMASALAHAN DENGGI

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha terkini Kerajaan Negeri dalam usaha menangani permasalahan denggi yang semakin meningkat Di Negeri Selangor?
- b) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mendapat kerjasama yang baik daripada Agensi Pihak Persekutuan?
- c) Adakah terdapat sebarang kajian berkenaan usaha-usaha yang dilaksanakan ini tidak berjaya?

JAWAPAN:

- a) Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dalam menangani permasalahan denggi adalah seperti berikut:
 - i) Kempen Selangor Gempur Aedes Siri 1-4 bagi tahun 2019 bagi mengurangkan kes/ wabak denggi;
 - ii) Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Denggi di lokaliti hotspot/wabak;
 - iii) Gotong royong pemusnahan tempat pembiakan denggi di lokaliti wabak/ hotspot;
 - iv) Menjalankan Program Selangor Bebas Aedes di tempat Kerja dan Kuarters;
 - v) Mengukuhkan Program Bebas Denggi di Sekolah;
 - vi) Kerjasama di antara agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta komuniti dalam program gotong-royong; dan
 - vii) Mengukuhkan peranan COMBI dalam lokaliti wabak denggi.
- b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mendapat kerjasama yang baik daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dalam menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi di kawasan dan di daerah masing-masing. Kerajaan Persekutuan turut menyalurkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM 10.5

juta kepada PKD pada tahun 2019 dalam usaha membantu Kerajaan Negeri menangani penularan demam denggi. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia turut memilih sebelas (11) lokasi di negeri Selangor sebagai tempat projek rintis nyamuk *Wolbachia*.

- C) Usaha-usaha kawalan dan pencegahan demam denggi masih lagi dijalankan dan dipantau keberkesanannya dari semasa ke semasa. Sehingga kini, hanya terdapat kajian kerintangan nyamuk aedes terhadap beberapa racun perosak yang membuktikan ketidakberkesanan kaedah semburan kabus (*fogging*) sebagai kaedah utama untuk membasmi demam denggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KEMUDAHAN PELANCONG DAN JALAN HULU CHUCHOH KE KLIA2

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan dari MB Incorporated bagi menurap Jalan KLIA2 Hulu Chuchoh dibawah CSR?
- b) Apakah program perancangan meningkatkan kemudahan pelancongan di Pantai Bagan Lalang?
- c) Adakah telah ada peruntukan yang akan diberikan kepada pembinaan jambatan menghubungkan Sungai Pelek dan bukit pelandok?

JAWAPAN:

- a) **Jawapan masiih belum diterima daripada MBI.**
- b) MPSepang sedang dalam proses penyediaan *tourist centre* dan menaik taraf medan niaga sedia ada di kawasan Pantai Bagan Lalang. Manakala kerja-kerja penyenggaraan infra dan pembersihan dilaksanakan secara berkala.
- c) Projek membina jalan dari Jambatan Sungai Sepang bagi menghubungkan Kampung India Bukit Pelandok, Port Dickson dengan Bandar Sungai Pelek, Sepang Selangor adalah projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB yang diluluskan dalam Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Projek ini dalam peringkat rekabentuk dan peruntukan tahun 2020 adalah sebanyak RM 100,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : STATUS PENYERAHAN PEMBANGUNAN KEPADA MAJLIS
PERBANDARAN**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan projek pembangunan perumahan oleh PKNS dalam kawasan DUN Sungai Ramal yang telah siap selama lebih 15 tahun tetapi masih belum diserahkan kepada MPKj?
- b) Mengapakah projek-projek tersebut masih belum diserahkan kepada MPKj?

JAWAPAN:

- a) Terdapat sepuluh (10) kawasan pembangunan perumahan yang belum diserahkan kepada Majlis Perbandaran Kajang. Kawasan pembangunan ini adalah:

Bil	Kawasan Yang Belum Diserahkan	Tahun Pembangunan Siap
1.	Pangsapuri 8 Blok 5 Tingkat berjumlah 372 Unit, Dijalan 1/9C Seksyen 1 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.	1984
2.	Pangsapuri 7 Blok 5 Tingkat berjumlah 272 Unit, Dijalan 1/3 Seksyen 1 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.	1984
3.	Pangsapuri 5 Blok 5 Tingkat berjumlah 206 Unit, Dijalan 2/4F Seksyen 2 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.	1984
4.	Pangsapuri 5 Blok 5 Tingkat berjumlah 206 Unit, Dijalan 2/1 Seksyen 2 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.	1984
Bil	Kawasan Yang Belum Diserahkan	Tahun Pembangunan Siap
5.	Pangsapuri 6 Blok 5 Tingkat berjumlah 254 Unit, Dijalan 3/4G Seksyen 2 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.	1984

6.	Pangsapuri 6 Blok 5 Tingkat berjumlah 254 Unit, Dijalan 4/1 Seksyen 2 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.	1984
7.	Infrastuktur Jalan dan Parit Bangi Mutiara Seksyen 1 & 2 Tambahan, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.	2002
8.	Perhentian Bas/Teksi di Seksyen 3, Tambahan Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.	2006
9.	Pangsapuri 5 Tingkat Seri Kundang Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	2012
10.	Pangsapuri 5 Tingkat, Apartment Seri Permai, Semenyih, Selangor Darul Ehsan.	2012

- b) Untuk makluman, PKNS telah banyak kali mengadakan beberapa siri lawatan bagi tujuan penyerahan sesuatu kawasan pembangunan namun tidak semua projek berjaya diserahkan kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Antara sebab utama proses serahan ini tidak berjalan dengan lancar serta tidak dapat dilakukan ialah ketiadaan maklum balas secara bertulis iaitu melalui surat daripada MPKj selepas setiap lawatan bersama dilakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : HASIL TUAIAN PADI MEROSOT

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah hasil tuaian padi yang telah merosot pada musim kedua 2019 di Projek Barat Laut Selangor?
- b) Apakah punca-punca utama kemerosotan hasil tuaian tersebut?

JAWAPAN:

- a) Hasil tuaian Musim Utama 2019 telah meningkat sebanyak 6.3 peratus kepada 4.8 metrik tan sehektar berbanding 4.5 metrik tan sehektar pada Musim Utama 2018. Sebelum ini hasil padi merosot di Luar Musim 2018 disebabkan penyakit bacterial panicle blight (BPB)/ hawar daun bakteria yang menyerang kawasan sawah sejak tahun 2016. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan kembali hasil padi Negeri Selangor seperti mana yang pernah dicapai pada tahun 2015-2016 dengan purata 6.4 metrik tan sehektar.
- b) Antara punca utama kemerosotan hasil tuaian disebabkan serangan penyakit bacterial panicle blight (BPB)/ hawar daun bakteria yang menyebabkan hasil padi berkurangan dengan sangat ketara. Mengikut bancian Bahagian Biosekuriti Jabatan Pertanian, hampir 2,000 hektar kawasan sawah telah terjejas akibat penyakit ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kaedah penilaian prestasi PeBT yang dilantik?
- b) Apakah tindakan yang akan diambil terhadap PeBT yang tidak pernah menghadiri mesyuarat dan tidak pernah mengadakan aktiviti melebihi setahun?
- c) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh ADN terhadap PeBT yang tidak aktif?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali :-

Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bertujuan untuk melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa yang dapat menjadi ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Perancangan sesuatu program pembangunan belia di bawah Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah berdasarkan kepada 10 teras yang terkandung di dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang menjadi tonggak kepada pembangunan belia yang mampan. Pencapaian sesuatu program itu dinilai berdasarkan kepada kejayaan sesuatu pesanan atau *input* yang cuba disampaikan melalui program-program yang dilaksanakan dapat disampaikan kepada golongan sasaran dan seterusnya dapat diaplikasikan untuk pembangunan generasi muda Selangor.

Di samping itu, pemerksaan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) juga akan diperkukuhkan menerusi program dan latihan selaras dengan kehendak Generasi Muda Selangor. Antara program dan latihan yang akan dianjurkan adalah Program Latihan Pemantapan Organisasi dan Kepimpinan dalam usaha untuk melahirkan PeBT yang sentiasa berkaliber, komited dan mempunyai pemikiran yang luas ke arah pembangunan generasi muda sebagai penggerak kepada pembangunan negara pada masa akan datang.

Kemajuan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di Selangor menunjukkan peningkatan yang lebih positif dalam menyumbangkan idea-idea untuk

menggerakkan generasi muda dan juga dengan penglibatan mereka dalam program-program pembangunan generasi muda. Untuk makluman, bermula tahun 2016 sehingga kini, PeBT dilantik di kalangan generasi muda yang berumur 30 tahun ke bawah yang amat sesuai dengan peredaran masa dan keperluan generasi muda pada masa kini.

Seterusnya, Kerajaan Negeri juga telah menambahbaik proses pemilihan dan pelantikan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor untuk penggal 2018/2020 dengan menambahbaik tatacara pencalonan PeBT.

Tatacara pencalonan ini bermula dengan penerimaan cadangan calon oleh PBT daripada Ahli Dewan Negeri dan PBT perlu membuat pelarasan pemilihan calon PeBT tersebut. Pencalonan ini hendaklah mengikut syarat-syarat pelantikan Pengerusi PeBT dan Ahli Jawatankuasa PeBT Peringkat Zon. Seterusnya, pihak PBT perlu membuat proses temu duga yang akan melibatkan Ahli Majlis, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dan Wakil Pejabat DUN yang mana korum temu duga mestilah sekurang-kurangnya 3 orang ahli.

Kemudian, senarai calon yang telah lulus temuduga perlu dikemukakan kepada pihak Sekretariat Belia Negeri Selangor untuk semakan rekod jenayah. Sekiranya terdapat calon PeBT yang mempunyai rekod jenayah, pihak PBT perlu membuat pencalonan semula. Manakala bagi calon yang telah lulus, tempoh percubaan akan diberikan selama 3 bulan bagi menjalankan perkhidmatan sebagai PeBT di zon yang akan ditetapkan. Sekiranya terdapat PeBT yang tidak aktif sepanjang tempoh percubaan tersebut, maka perkhidmatan mereka akan ditamatkan dan PBT perlu membuat pencalonan semula bagi pelantikan PeBT yang baru.

Untuk makluman, kaedah yang digunapakai untuk menilai prestasi PeBT yang dilantik, adalah melalui tiga (3) aspek utama iaitu jumlah penggunaan peruntukan program yang disediakan, konsistensi tuntutan elaun bulanan PeBT serta komitmen secara menyeluruh sebagai PeBT. Penilaian ini dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), di mana setiap pengerusi PeBT akan dinilai berdasarkan Laporan Keaktifan PeBT.

Selain itu, peruntukan penganjuran program untuk setiap Pengerusi PeBT adalah sebanyak RM5,000.00 bagi tempoh satu (1) tahun. Peruntukan ini mesti habis digunakan bagi penganjuran program. Sekiranya peruntukan ini tidak habis digunakan, ini bermakna Pengerusi PeBT tersebut dilihat tidak kompeten kerana gagal memaksimumkan penggunaan peruntukan yang diberikan.

Seterusnya, pihak MSNS akan memantau prestasi dan keaktifan Pengerusi PeBT secara konstruktif. Mereka yang tidak aktif dan tidak proaktif akan dinasihati terlebih dahulu oleh Pegawai Penyelaras PeBT dari MSNS dan juga melalui Pengerusi Induk PeBT. Jika tidak ada sebarang perubahan positif dalam tempoh pemantauan 3 bulan terakhir, pihak MSNS akan mencadangkan

nama-nama pengerusi PeBT yang tidak aktif beserta laporan untuk digugurkan terus daripada jawatan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) boleh mengambil langkah untuk menasihati dan memberi peringatan kepada Pengerusi PeBT yang tidak aktif tersebut. Sekiranya tiada perubahan, Ahli Dewan Negeri tersebut boleh menghantar nama PeBT berkenaan ke MSNS untuk tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KAMERA BADAN BAGI PEGAWAI PBT YANG MENJALANKAN TUGAS

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri telah membuat kajian (e.g. kos) ataupun keputusan terhadap saranan supaya pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan yang bertugas di kawasan awam wajib untuk memakai kamera badan? Jika ya, sila terangkan status terkini.

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no. 262 iaitu Kamera Untuk Pegawai Penguatkuasa PBT daripada Yang Berhormat Banting.

- a) Menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Bilangan 1/2020 pada 18 Februari 2020 bersama Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), satu syarikat telah membentangkan kertas cadangan (*proposal*) berkaitan penggunaan kamera badan untuk pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan semasa bertugas di kawasan awam. Mesyuarat telah mengesyorkan supaya PBT yang berkemampuan dapat membekalkan pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan masing-masing terutama kepada pegawai penguatkuasa demi meningkatkan keselamatan pegawai. Buat masa ini, terdapat PBT yang telah mengambil inisiatif membekalkan kamera badan kepada penguatkuasa masing-masing. Antaranya adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Selayang. Manakala terdapat juga PBT yang dalam tindakan untuk pembelian kamera badan ini. Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh PBT untuk pembelian kamera badan ini adalah seperti berikut:

PBT	Peruntukan yang telah digunakan untuk pembelian kamera badan (RM)	Bilangan unit kamera badan
MBPJ	52,500.00	50
MPAJ	17,420.00	10
MPK	8,000.00	2
MPS	20,000.00	3

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : ISU PENIAGA PASAR BARU SELAYANG BARU

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Peniaga Pasar Baru Selayang Baru memohon supaya caj parkir di kawasan tersebut dimansuhkan. Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menangani masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Pemansuhan caj parkir perlu dirujuk kepada UPEN dibawah Seksyen Makro & Penswastaaan. Perjanjian penswastaaan Pasar Selayang Baru ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan pihak pemaju Azam & Azan Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2018-2020?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan di bawah MARRIS mengikut jabatan dan PBT untuk tahun 2020?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2018 sehingga 29 Februari 2020 adalah berjumlah **RM1.692 bilion**. Jumlah yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak RM746,050,759.87, manakala pada tahun 2019 adalah sebanyak RM792,695,627.30. Sehingga 29 Februari 2020, jumlah yang diterima adalah sebanyak RM153,289,926.00. Perincian penerimaan peruntukan berkenaan adalah seperti di **Lampiran A**.

Dalam pada itu, jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan yang **disalurkan terus kepada Jabatan/Agensi terlibat** pada tahun 2018 sehingga 29 Februari 2020 adalah berjumlah **RM86.324 juta**. Jumlah yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak RM42,769,548.84 dan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM43,554,631.10. Perincian penerimaan peruntukan berkenaan adalah seperti di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A

Peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor
melalui **Perbendaharaan Negeri Selangor** pada tahun 2018 sehingga
29 Februari 2020

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Terimaan Tahun 2018 (RM)	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Terimaan Sehingga 29 Februari 2020 (RM)	Jumlah Keseluruhan Terimaan 2018-29 Februari 2020 (RM)
1.	Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	527,162,269.87	537,084,765.00	89,514,128.00	1,153,761,162.87
2.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	6,434,000.00	18,429,000.00	Belum Diterima	24,863,000.00
3.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	74,521,020.00	75,249,480.00	37,970,160.00	187,740,660.00
4.	Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (50%)	72,942,939.00	79,622,811.30	Belum Diterima	152,565,750.30

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Terimaan Tahun 2018 (RM)	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Terimaan Sehingga 29 Februari 2020 (RM)	Jumlah Keseluruhan Terimaan 2018-29 Februari 2020 (RM)
5.	Pemberian Khas Kepada Kerajaan Negeri Selangor -Kehilangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,638.00	77,416,914.00
6.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	4,985,600.00	9,933,445.00	Belum Diterima	14,919,045.00
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	34,199,293.00	34,708,818.00	Pemberian akhir tahun	68,908,111.00
8.	Pemberian Cukai Pelancongan	Tiada	10,302,420.00	Belum Diterima	10,302,420.00
9.	Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-kampung Baru	Tiada	1,559,250.00	Belum Diterima	1,559,250.00
Jumlah Terimaan (RM)		746,050,759.87	792,695,627.30	153,289,926.00	1,692,036,313.17

LAMPIRAN B

Peruntukan Kerajaan Persekutuan yang **disalurkan terus kepada Jabatan/Agensi terlibat** pada tahun 2018 sehingga 29 Februari 2020

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Terimaan Tahun 2018 (RM)	Terimaan Tahun 2019 (RM)	Terimaan Sehingga 29 Februari 2020 (RM)	Jumlah Keseluruhan Terimaan 2018-29 Februari 2020 (RM)
1.	Pemberian Sumbangan 50% Belanja Mengurus daripada Kerajaan Persekutuan	PADAT – 4,467,742.65	PADAT – 3,571,174.00	Belum Diterima	8,038,916.65
		PPAS – 9,496,787.30	PPAS – 9,496,787.30	Belum Diterima	18,993,574.60
2.	Pemberian 50% Bagi Membayar Bil Elektrik (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat) daripada Kerajaan Persekutuan	28,805,018.89	30,486,669.80	Belum Diterima	59,291,688.69
Jumlah Terimaan (RM)		42,769,548.84	43,554,631.10	0.00	86,324,179.94

b) Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 35/2019 yang bersidang pada 4 Disember 2019 telah meluluskan Siling Peruntukan MARRIS pada Tahun 2020 sebanyak **RM480 juta**. Jumlah peruntukan tersebut diagihkan mengikut jabatan seperti berikut:-

- i) **Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor** diperuntukkan sebanyak **RM196 juta**;
- ii) **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor** diperuntukkan sebanyak **RM4 juta**;
- iii) **Sembilan (9) Pejabat Daerah** diperuntukkan sebanyak **RM30 juta**; dan
- iv) **Dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan** diperuntukkan sebanyak **RM250 juta**.

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, pecahan peruntukan adalah seperti berikut:-

BIL.	PBT	SILING 2020 (KELAYAKAN IKUT SILING (RM))
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	27,698,223.90
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	26,656,333.76
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	33,001,084.77
4.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	27,915,849.08
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	19,415,562.96
6.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	10,969,600.30
7.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	19,172,305.35
8.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	27,150,145.68
9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	12,999,403.50
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	18,623,967.27
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	13,610,059.43
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	12,787,464.00
JUMLAH (RM)		250,000,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROMOSI TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2020

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kerajaan negeri telah lakukan untuk mempromosi program tersebut ?
- b) Apakah sebarang lokasi-lokasi di Kota Damansara N39 terlibat dalam promosi tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah bersedia melalui perancangan strategik promosi pelancongan bagi menyokong kempen Melawat Malaysia 2020 seperti yang berikut:
 - I. Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara;
 - II. Penganjuran Program FAM Trip Yang Lebih 'Market-Focused';
 - III. Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor;
 - IV. Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri;
 - V. Memberi Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus

PERINCIAN STRATEGI:

- a. Bagi meningkatkan penyertaan siri promosi pelancongan dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN telah bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan menyertai beberapa siri promosi di luar negara seperti World Tourism Mart (WTM) London, ITB Berlin, Arabian Travel Market (ATM) Dubai, dan beberapa lagi yang akan dikenalpasti oleh pihak Tourism Malaysia.
- b. Penyertaan Kerajaan Negeri di peringkat Antarabangsa akan lebih memberi fokus kepada strategi B2B (Business to Business) & B2C (Business to

Consumer) bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor melalui pendedahan, penjualan pakej pelancongan dan kerjasama yang akan dimeterai bersama operator pelancongan di luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan “Sales Mission” mengikut pasaran fokus pelancongan Negeri Selangor seperti Jepun, India dan China. Program ini juga akan dipanjangkan kepada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia. Bagi pasaran domestik pula, penyertaan di dalam program expo promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri dan Skuad Kembara Sekolah akan dipergiatkan lagi.

- c. Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor akan bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan Media Influencer serta *Key Opinion Leader* (KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh.
- d. Bagi perancangan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor turut menyasarkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Golf Open 2020, Retromania Gathering dan Wings of KKB 2020 yang terbukti memberi impak kepada keseluruhan kedatangan pengunjung domestik dan luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan di dalam penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 & 18 Julai 2020 yang dijangka akan menarik ramai pelancong diperingkat antarabangsa dan rantau Asia Tenggara.
- e. Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu dengan padu dan sistematik, Kerajaan Negeri terus meneruskan komited dan akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.
- f. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti:

- i. Pengiklanan *Billboard 'Unipole'* di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Penang, Melaka, Johor Bharu dan Perak;
- ii. Pengiklanan *Digital Out Of Home* di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, Kota Kinabalu International Airport, Stesyen Utama ETS dan BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah serta di sepanjang Lebuhraya Persekutuan;
- iii. Pengiklanan Digital menerusi platform KLIA TV di KLIA dan KLIA2;
- iv. Pengiklanan di pesawat penerbangan termasuk *Internal Compartment Wrap*; serta
- v. Promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing bagi segmen pasaran luar negara.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (*Return of Investment*) yang tinggi dan berkesan.

- g. Melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang berpotensi menarik lebih banyak pelancong berkunjung dan melawat ke Negeri Selangor. Antaranya adalah:-

- I. Pelancongan Sukan Golf
- II. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan (Medical & Wellness)
- III. Pelancongan Cruise (Kapal Persiaran Mewah)

- h. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri juga menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan golf utama negara dan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran kejohanan golf bertaraf antarabangsa.
- i. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada aktiviti promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC (*Malaysia Healthcare Tourism Council*) dalam beberapa penganjuran program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran expo pelancongan, FAM Trip dan Majlis Anugerah.
- j. Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (Cruise Tourism) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster

Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.

- b) Program dan aktiviti promosi pelancongan khusus bagi kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 adalah melibatkan seluruh produk pelancongan di Negeri Selangor termasuk di DUN Kota Damansara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PROJEK LANGAT 2

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peratuskah projek Langat 2 ini telah dilaksanakan dan bilakah tarikh akhir projek Langat 2 ini akan disiapkan sepenuhnya?
- b) Nyatakan kawasan daerah yang mendapat kemudahan daripada projek Langat 2 ini?

JAWAPAN:

- a) Projek Langat 2 ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi dari PAAB, status kemajuan fizikal pembinaan Loji Langat 2 Fasa 1 setakat 29 Februari 2020 adalah 82.09% (sebenar) berbanding 85.51% yang dijadualkan. Pada ketika ini, kerja-kerja Pengujian dan Pentauliah (Testing & Commissioning) sedang dijalankan oleh PAAB merangkumi Stream A dan Stream B di mana setiap satu stream berupaya mengeluarkan sebanyak 565 JLH air bersih.

Stream B telahpun memenuhi spesifikasi kontrak yang ditetapkan dan diserahkan untuk dioperasikan oleh Air Selangor pada 21 Disember 2019 yang mana sebanyak 300 JLH air bersih telah dikeluarkan untuk dibekalkan kepada pengguna. Manakala bagi Stream A, kerja-kerja T & C dijangka akan siap sepenuhnya pada akhir bulan Mac 2020.

Secara keseluruhan, Loji Rawatan Air Langat 2 ini akan siap sepenuhnya pada tahun 2023.

- b) Mengikut perancangan, kawasan yang mendapat kemudahan daripada Projek LRA Langat 2 ini berikut:-
 - i. Koridor Barat meliputi Kawasan Petaling, Sungai Besi, Kinrara dan Puchong; dan
 - ii. Koridor Utara meliputi Kuala Lumpur Selatan, Pusat Bandar Kuala Lumpur, Ampang, Kuala Lumpur Timur dan Kuala Lumpur Utara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PERSEDIAAN MENJADI TUAN RUMAH SUKMA

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perlukah kerajaan memberi peruntukkan lebih awal dan tinggi sebagai persediaan menghadapi SUKMA 2022 lebih-lebih lagi selaku tuan rumah?

- b) Apakah infratraktur baharu yang telah dan sedang dibangunkan ketika ini serta berapakah kos yang telah dikeluarkan Kerajaan Negeri sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor semestinya memerlukan peruntukkan yang optimum bagi perancangan persediaan sekiranya dilantik sebagai penganjur. Dua (2) aspek utama dalam pengelolaan SUKMA 2022 yang perlu diutamakan adalah persiapan infrastruktur dan persediaan kontinjen.

Bagi persediaan pasukan, ianya lebih kritikal kerana proses pembangunan prestasi atlet-atlet memerlukan jangkamasa yang panjang untuk membentuk sebuah pasukan mahupun individu yang mantap. Antara perancangan yang telah digariskan adalah menjalani latihan luar negara, melantik jurulatih luar negara, penyediaan pakej kebajikan atlet yang terbaik, menjalankan program persiapan mental yang berkala, memperkukuhkan sistem sokongan Sains Sukan yang perlu ada dalam sesebuah program sukan berprestasi tinggi.

- b) Bagi persiapan infrastruktur sukan, pihak Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor akan menaiktaraf infrastruktur sukan yang sedia ada dan tiada pembinaan baru bagi kelolaan pada kali ini. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang keputusan berkaitan pemilihan tuan rumah SUKMA pada 2022 ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : WIFI HOTSPOTS

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah hotspot wifi percuma yang telah dipasang dan berapakah yang masih beroperasi?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah hotspot tersebut?
- c) Berapakah kos yang telah dan bakal digunakan di dalam proses tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sejak program dilaksanakan pada tahun 2015, jumlah hotspot dan AP terpasang adalah sejumlah 3,692 unit. Daripada jumlah tersebut, 3,663 unit berada di dalam senarai aktif. Laporan ini berdasarkan laporan bulanan Februari-2020. Perbezaan jumlah tersebut termasuklah senarai AP dan hotspot yang dijajarkan semula atau telah ditamatkan perkhidmatannya disebabkan proses pengoptimuman dan pemantauan perkhidmatan.
- b) Memandangkan bahawa kontrak dengan penyedia perkhidmatan utama (main service provider SP) akan berakhir pada Jun-2020, SMARTSEL Bersama MBI dan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) telah memulakan perbincangan bagi menilai keberkesanan program ini dan seterusnya mencari dan mengkaji model dan dasar baharu untuk pelan masa hadapan. Oleh yang demikian, untuk jangka masa ini, kita tidak akan melakukan penambahan hotspot dan AP baharu sehingga kita mengenal pasti model yang lebih lestari.
- c) Kos perbelanjaan program WSS adalah seperti yang telah dilaporkan kepada Jawatankuasa PAC. Kos baharu hanya akan dapat diketahui selepas model dan dasar baharu dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEUSAHAWANAN SOSIAL DI NEGERI SELANGOR

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mempromosikan konsep keusahawanan sosial ("social entrepreneurship") kepada khalayak ramai, terutama sekali golongan belia?
- b) Apakah insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri untuk usahawan sosial, terutama yang menawarkan perkhidmatan untuk golongan terpinggir?

JAWAPAN:

- a) Keusahawanan sosial ialah model keusahawanan yang tidak hanya mementingkan keuntungan, malah menekankan kepada pewujudan masyarakat yang berimpak positif dan saksama. Pada masa ini Kerajaan Negeri sedang meneliti bentuk bantuan bagi memperkembangkan lagi konsep keusahawanan sosial (*social entrepreneurship*). Sebagaimana Yang Berhormat maklum, konsep ini dijalankan atas inisiatif pihak persendirian, sebagai contoh syarikat Masala Wheels yang beroperasi di Petaling Jaya. Organisasi ini mensasarkan belia india yang terpinggir dan berisiko dengan menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan agar golongan ini dapat berdikari dan mencari sumber pendapatan sendiri.
- b) Pada masa ini Kerajaan Negeri untuk masih meneliti konsep keusahawanan sosial (*social entrepreneurship*) untuk melihat keberkesanan kepada golongan sasaran. Dalam masa yang sama, jika konsep ini ingin dijalankan beberapa aspek yang penting perlu diambil kira seperti sumber kewangan, agen pelaksana dan penelitian lengkap tentang modus operandi keseluruhan program. Di samping itu, perlu diwujudkan pangkalan data golongan sasaran / terpinggir supaya mudah pihak Kerajaan untuk meneliti keperluan keusahawanan sosial kepada golongan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : MASALAH SAMPAH NEGERI SELANGOR

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa tidak dikuatkuasakan kompaun individu yang membuang sampah merata-rata?
- b) Berapakah jumlah kompaun yang telah dikutip tahun 2019?
- c) Adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan tindakan kepada pembuang puntung rokok?

JAWAPAN:

- a) Terdapat PBT yang telah melaksanakan tindakan kompaun ke atas individu yang membuang sampah merata-rata berdasarkan kepada maklumat aduan dan rondaan oleh anggota penguatkuasa. PBT mengambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang Kecil (UUK) Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah Sarap 2007 iaitu dibawah Peruntukan 4 –Membuang sampah di tempat awam / tempat yang tidak ditetapkan oleh Majlis.
- b) Jumlah kompaun yang telah dikutip tahun 2019 mengikut PBT adalah seperti berikut :

PBT	Jumlah kompaun pada tahun 2019	Nilai kompaun pada tahun 2019 (RM)
MBSA	154	50,985.00
MBPJ	71	71,000.00
MPK	1,676	1,676,000.00
MPAJ	Tiada	Tiada
MPSJ	373	373,000.00
MPS	12	12,000.00
MPKJ	136	136,000.00

MPSP	161	153,000.00
MPKL	38	13,060.00
MDHS	29	29,000.00
MDKS	46	46,000.00
MDSB	1	500.00
JUMLAH	2697	2,560,545.00

- c) Pada masa kini, undang-undang yang berkuatkuasa untuk mengenakan tindakan adalah undang-undang yang sama dengan individu yang membuang sampah merata-rata iaitu UUK Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah Sarap 2007 dan Peraturan 11, Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Sehubungan itu, PBT sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) untuk melaksanakan operasi secara bersepadu bagi membendung masalah ini.